

Kenyataan tentang kemelayuan teguran buat menteri

SHAH ALAM - Kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai kerajaan sekarang yang dipimpin oleh orang Melayu tidak sekuat dahulu merupakan satu peringatan kepada menteri Kabinet tentang keperluan memperjuangkan agenda Melayu dan bumiputera.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Md Shukri Shuib berkata, wujud persepsi dalam kalangan rakyat terutama Melayu dan bumiputera bahawa kerajaan hari ini telah meminggirkan mereka.

“Saya berpendapat, Dr Mahathir sebagai seorang negarawan apa yang dinyatakan berdasarkan kepada keperluan jangka panjang.



MD SHUKRI

Saya harap Pakatan Harapan (PH) faham apa yang cuba disampaikan oleh beliau.

“Sebagai seorang Perdana Menteri, beliau berperanan untuk memastikan keperluan bagi masyarakat Melayu dan bumiputera serta bukan Melayu terjamin tapi dalam kon-

teks ini, menteri-menteri ini perlu peka kepada keperluan orang Melayu,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan kini yang dipimpin orang Melayu tidak sekuat dahulu.

Menurutnya, pemimpin Melayu perlu mengambil kira perasaan dan pandangan daripada pemimpin bukan Melayu.

Sementara itu, Md Shukri ber-

kata, Dr Mahathir juga mungkin mahukan supaya kenyataan beliau dalam Kongres Maruah Melayu diambil kira oleh wakil rakyat bagi memastikan keseimbangan tanpa mewakili kelompok tertentu.

“Sebab itu saya rasakan ini bukan satu permainan politik. Kita perlu melihat kepada kedudukan Dr Mahathir yang bukan sahaja diterima oleh semua parti kerajaan tetapi parti-parti alternatif yang boleh duduk semeja untuk berunding.

“Nasihat beliau bukan untuk Melayu sahaja tetapi manifestasi semua pihak termasuk pentadbiran awam dan wakil rakyat. Beliau mahu memberitahu tentang kedudukan Melayu dalam perundangan dan perlembagaan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan yang wujud pada hari ini bersifat peraturan minoriti di bawah pemimpin dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan jika parti itu keluar, PH boleh tumbang.